

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Bung Samad Ismail dari Utusan Melayu dalam ceramahnya meriwayatkan perjalanannya bersama di dalam rombongan merdeka ke London baru-baru ini tatkala menceritakan perhubungan antara lain-lain menyatakan bahawa pada masa yang telah lalu ia menyangka kurang baik kepada Datuk Gantang. Yang demikian itu adalah sekarang berlainan kerana ia dapat melihat atau mengenal Datuk Gantang itu dari dekat dan mengetahui bahawa Datuk itu orangnya baik. Bung Samad mengaku bahawa pandangannya yang lalu itu adalah dipengaruhi oleh al-Bār dan kerana itulah ia selalu menyatakan dan memandang Datuk itu dengan pandangan yang kurang baik. Sungguh kita berasa hairan bagaimana seorang pengarang dapat terpengaruh oleh orang lain. Dan di sebaliknya itu kita angkat topi kepada Albar yang telah berjaya dapat mempengaruhi Bung Samad. Orang-orang hanya bertanya bagaimanakah pendirian seseorang wartawan kalau boleh dipengaruhi orang?


* * *

Di dalam kenyataan Bung Samad nampaknya Tengku Abdul Rahman telah mengisytiharkan tarikh merdeka, yang dijanjikan akan diisytiharkan di Melaka, telah bocor atau dibocorkannya sendiri di Corby College sebelum ia sampai ke Melaka. Menurut kenyataan Bung Samad Tengku adalah kerana gembira sangat melihat keadaan penuntut-penuntut di di Corby dan dengan menyangka yang ada di sana cuma penuntut-penuntut sahaja lalu ia mengisytiharkan tarikh itu di hadapan penuntut-penuntut tetapi malangnya rupanya di sana ada wakil-wakil akhbar yang kemudiannya lalu mengisytiharkan tarikh itu ke serata dunia. Kalau dilihat kepada tingkat ini,

menurut pendapat sebahagian orang, adalah menunjukkan bahawa Tengku tidak berpegang kepada apa yang ditingkatkannya dan ia tidak dapat menyimpan apa yang patut disimpannya dan dengan sebab itu maka orang ramai patut atau orang-orang yang hampir dengan Tengku patut memperingatkan Tengku supaya berhati-hati di dalam tiap-tiap katanya dan menguatkan apa yang dikatakannya kerana sekiranya ia tidak berbuat demikian sudah barang tentu harus pada masa-masa yang akan datang Tengku sendiri tidak dapat menutup lidahnya terhadap kepada perkara-perkara yang patut dirahsiakan dan juga kepada tujuan-tujuan atau kepada mengotakan apa yang dikatakan dan yang dijanjikan olehnya. Yang demikian ini bagi kita hanya sekiranya dalam perkara yang demikian tidak boleh mengotakan apa yang dikatakannya maka terpujanglah kepada umum untuk menimbangakan bagaimana kesudahannya dalau orang tidak boleh mengotakan apa yang dikatakan untuk keselamatan bangsa dan nusa di belakang hari.

* * *

Di dalam mahkamah daerah Singapura Tuan Majistret McGillbran dan seorang peguam nampaknya telah bersetuju menuntut supaya sumpah saksi atau orang-orang yang dibicarakan hendaklah mengikut sumpah saksi atau orang-orang yang dibicarakan hendaklah mengikut sumpah yang dijalankan oleh masing-masing agama dan kerana itu tuan majistret itu mengesyorkan supaya dibawa kitab-kitab suci agama di sana untuk bersumpah masing-masing orang dengan masing-masing agamanya. Kita wajib membantah cara bersumpah umpamanya bagi orang Islam menggunakan al-Qurān. Sumpah di dalam Islam tidak lain hanya perkataan *wa Allāhi, wa billāhi, wa ʿāllahi*. Tidak ada pengajaran yang diberi menggunakan sumpah!



(gambar dengan ehsan Jabatan Maklumat. P.T. M.)



dengan meletakkan Qurān atau memegang Qurān sebagaimana yang dijalankan oleh lain-lain agama. Jadi kalau sekiranya ada permintaan meletakkan Qurān ke mahkamah sepatutnya orang-orang Islam yang mengikut pengajaran al-Qurān membantah rancangan yang serupa itu kerana ia bersalahan dengan pengajaran Islam. Kita patut menyertai bahawa bersumpah dengan masing-masing agama itu lebih diutamakan daripada bersumpah sebagaimana yang ada sekarang iaitu menggunakan sumpah mengikut cara dan kaedah Kristian.

* * *

Ketua Menteri Tuan David Marshall di dalam kenyataannya kepada akhbar baru-baru ini menyatakan bahawa ia sangat menyesal akan adanya perkara-perkara yang mengacau keamanan dan juga tentang adanya kehilangan senjata di dalam tempat-tempat tentera. Kehilangan ini dan kejadian yang dikesalkan olehnya itu sebenarnya patut ia mengelaskan terhadap dirinya sendiri, sebab sebagai ketua menteri dalam jemaah menterinya sekarang ia yang bertanggungjawab kepada kejadian-kejadian yang merosakkan keamanan, Kita dan orang ramai sekarang harus

berpendapat bahawa mereka tidak memikirkan siapa yang mentadbirkan pemerintahan, siapa yang yang memerintah, yang dipandang mereka ialah keamanan, kesejahteraan, dan kemewahan. Apakah pemerintah itu penjajahan atau pemerintah itu pemerintahan sendiri, tidaklah diendahkan mereka asal sahaja kesejahteraan, keamanan, dan kemewahan itu ada. Kalaupun pemerintahan sendiri, seperti pada permulaan yang ada sekarang, ia tidak dapat meletakkan keamanan, kesejahteraan dan kemewahan pada tempatnya semua dahulu bahkan pemerintahan yang ada, kerana belanja-belanja yang bertambah-tambah dibebankan lagi kepada rakyat umumnya sudah tentu pemerintahan yang demikian tidak dikehendaki oleh mereka.

* * *

Sebab-sebab maka selalu berlaku perkara-perkara yang tidak memuaskan ini, dan perkara-perkara adanya beban-beban yang berat kepada rakyat, tidak lain ialah oleh kerana orang-orang yang dipertanggungjawabkan memegang tampuk pemerintahan itu ialah orang-orang yang bukan ahlinya. Pengajaran Islam sudah menyatakan bahawa apabila sesuatu dipegang oleh orang-orang yang bukan ahlinya

maka jagalah akan kebinasaannya. Sekarang kita sudah melihat punca-punca akan kebinasaan itu dengan melihat bahawa jika pada masa yang lalu perbelanjaan atau belanjawan ada banyak kelebihannya tetapi sekarang sudah banyak pula defisit atau kekurangannya. Jika pada masa yang lampau keamanan dan kesejahteraan terjamin- rompak samun berkurangan, curi rampas di tengah-tengah jalan sedikit benar, keamanan wanita keluar rumah tidak dibimbangkan yakni tidak atau jarang sekali ada terjadi pembunuhan kepada wanita, perkelahian beramai-ramai hampir tidak berlaku di antara gayung ini dan gayung itu sekarang telah terjadi sebaliknya. Orang-orang tidak berasa aman lagi, keamanan terganggu dan bebanan mereka akan bertambah berat, ini tentulah akan menjamin pertanyaan kepada mereka apakah gunanya mempertahankan sendiri kalau diri mereka tidak terjamin dan beban mereka akan bertambah?

* * *

Tuan David Marshall, Ketua Menteri, atau menentukan ketetapan hasil dari *income tax*, yakni supaya jangan ada orang yang mempermain-mainkan jabatan itu, ringkasnya yang tidak jujur, mengesyorkan supaya pendapatan atau hasil seseorang diisytiharkan kepada umum. Orang-orang berpendapat syor Tuan Marshall itu, di dalam keadaan-keadaan keamanan yang tidak terjamin masa ini, adalah mendedahkan lagi kepada orang-orang yang berkenaan kepada ugutan-ugutan atau ancaman-ancaman penjahat. Kalau orang sudah mengetahui hasil atau kekayaan seseorang mudah saja penjahat itu menyusun satu barisan untuk membawa lari, merompak, menyamun dan seumpamanya kepada orang-orang yang telah diketahui akan besar kecilnya penghasilannya dan harta mereka itu. Adakah syor Tuan Marshall itu sentiasa dikeluarkan begitu saja tidak lebih dulu dipertimbangkan olehnya akan buruk baiknya? Sebahagian orang-orang pada mengesyorkan supaya Tuan David Marshall melantik beberapa

orang untuk jadi penasihat-penasihatnya sebelum ia mengeluarkan pendapatnya kepada umum lebih dahulu dibahas mereka. Inikan lebih baik daripada ribut-ribut dalam akhbar sahaja.

* * *

Tengku Abdul Rahman Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah berjanji akan memberi hadiah sebanyak lima ribu ringgit kepada sesiapa yang boleh membuat lagu kebangsaan bagi Persekutuan Tanah Melayu. Lagu itu dikehendaki oleh beliau supaya meliputi kepada semua bangsa dan dibuka pula kepada sekalian orang, baik daripada apa bangsa pun, boleh membuat lagu-lagu itu. Daripada tawaran ini semakin zahir bayangan yang dituju oleh Tengku dengan pemerintahannya sekarang bahawa nampaknya rupa bangsa yang dituju oleh Tengku ialah rupa bangsa *Malayan*, tidak lagi rupa bangsa Melayu sebagaimana yang dicita-citakan oleh umumnya seluruh bangsa Melayu baik di dalam UMNO, Parti Rakyat dan seumpamanya. Ini patut diperhati dengan saksama oleh bangsa Melayu. Mereka, khususnya orang-orang UMNO sekarang, merasa bahawa mereka dipimpin dan disalurkan oleh pemimpin-pemimpinnya kepada jalan menjadikan bangsa Melayu hanya sebagai satu kaum- tidak lagi sebagai bangsa Melayu.

* * *

Dalam perbincangan yang berlaku di Indonesia di atas Tuan Bung Selahar berkenaan dengan tuduhan melakukan gerak meruntuhkan pemerintah Indonesia telah terjadi perkara-perkara yang tidak digemari. Dalam perbincangan yang sedang berjalan itu orang ramai telah campur tangan dengan meludah dan melemparkan batu kepada Nyonya Beoman yang menjadi peguan kepada yang dituduh itu. Berbagai-bagai kelakuan yang buruk telah juga dilakukan keatasnya. Perbuatan yang demikian ini yakni perbuatan mengacau perbicaraan yang sedang dijalankan itu seperti satu perbuatan atau kelakuan yang dijalankan di dalam pemerintahan Fascist. Jika yang dituduh bersalah

-sambungan muka 30

Di Kedah juga Belanda menanggung, Serangan Melayu yang berasa terkurung, Melayu yang melihat habisnya untung. 388. Hajat Belanda datang ke Kedah, Hendak membolot dagangan negeri, Hendak mengangkut timah dan gajah,	Hendak beruntung seorang diri. 389. Orang Melayu, Jawa dan China, Dengan keras Belanda melarang, Jangan berniaga timah berguna, Jika diri tak mahu malang. 390. Perniagaan orang hendak dikepung,	Tidak peduli betul dan salah, Orang yang kena panas berdegung, Kepung Belanda tidak diendah. 391. Belanda haloba menunjukkan garang, Orang sekalian hendak digertak Hatinya keras tidaklah kurang, Siapa bertanding semua dilantak. (bersambung)
--	--	--

-sambungan dari muka 20

patut ia dihukum tetapi sebelum hukuman dijatuhkan
maka ia patut diadili lebih dahulu. Yang demikian
menjauhkan dari hukuman-hukuman sewenang-wenangnya sahaja. Dan
pemerintah Indonesia sepatutnya mengadakan satu undang-undang
untuk menghukum mereka yang mengacau atau cuba
mengacau dan mengusutkan perkara-perkara yang sedang diadili
oleh mahkamah. Undang-undang yang dijalankan di dalam mahkamah-mahkamah
Singapura umpamanya undang-undang *subjudice* mustahak
diadakan untuk mengawal dan menjaga supaya hakim-hakim
yang sedang menjalankan perbicaraan itu tidak terpengaruh
oleh sesuatu aliran.

* * *

Hampir-hampir setahun dahulu pemuda jam'iyah dicadangkan
untuk ditubuhkan di bawah ri'ayah atau sebagai cabang atau
bahagian jam'iyah. Oleh sebab menentukan kedudukan itu,
dikatakan, pihak-pihak tua di jam'iyah takut kedudukannya akan
terlepas sebab nampaknya mereka memandang bahawa kerja-kerja atau
jabatan-jabatan di jam'iyah adalah pusaka yang tidak boleh diberikan
atau diserahkan kepada lain orang daripada golongan atau

lingkungan, atau rakan-rakan mereka sahaja. Pada mula hendak
didirikan itu maka jawatankuasanya telah melantik beberapa
orang untuk menyelidik, menyiasat akan undang-undang
yang dibentangkan oleh pemuda jam'iyah. Entah golongan-golongan tua
itu bersengaja atau tidak, tidaklah kita ketahui tetapi
sebanyak lima atau enam kali dipanggil mesyuarat korumnya
tidak pernah cukup dan semenjak dari itu tidak
ada biji butirnya apakah pemuda jam'iyah jadi
atau tidak didirikan. Ini adalah satu perkara yang
sangat mendukacitakan. Tenaga pemuda yang
diberi oleh mereka itu untuk menunaikan khidmatnya kepada
agama bermakna sudah ditolak. Adakah setiausaha atau
orang-orang jam'iyah itu berfikir bahawa kerja-kerja jam'iyah itu
akan dapat dijalankan olehnya untuk selama-lamanya- umurnya
tidak akan mati atau umurnya tidak akan habis.
Adakah mereka berpendapat bahawa tenaga-tenaga baru tidak perlu
kepada jam'iyah. Adakah mereka berpendapat tidak perlu
membentuk pemuda bakan menggantikan tempat-tempat mereka? Mereka
patut insaf bahawa kubur menanti mereka dan tempat mereka
tak dapat tidak akan kosong. Adakah tidak mustahak tempat
itu disiapkan penggantinya? Inilah soalnya.